

ELSA 2023

e-Proceeding



**3RD INTERNATIONAL
CONFERENCE ON
EDUCATION AND
LANGUAGE FOR
STUDENTS & ADULT
LEARNERS (ELSA)**

*“Digital
Transformation in
Language and
Education”*

**25 - 26
OCTOBER
2023**

**ORGANISED BY
ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK BRANCH**

ELSA 2023 e-Proceeding

3rd International Conference on Education and
Languages for Students and Adult Learners (ELSA)

"Digital Transformation in Language and Education"



Organised by:

Academy of Language Studies
Universiti Teknologi MARA Perak Branch

Published by:

Unit Penerbitan UiTM Perak

Address:

Unit Penerbitan UiTM Perak,
Research, Industrial Linkages, Community, and Alumni Network Office,
Universiti Teknologi MARA Perak Branch,
32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

05-3742710

uitmperakpress@gmail.com

© Unit Penerbitan UiTM Perak, UiTM 2023

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission in writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e-ISBN: 978-967-2776-23-9



Cover Design : Norasyikin Abdul Malik

Typesetting : Dr. Nor Ashikin Ab Manan

EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

Dr. Nor Ashikin Ab. Manan

Editors

Mohamad Syafiq Ya Shak

Zarlina Mohd Zamari

Sheema Liza Idris

Prof. Madya Dr. Puteri Rohani Megat Abdul Rahim

Dr. Nuramira Anuar

Farahidatul Akmar Awaluddin

Dr. Paul GnanaSelvam a/I Pakirathan

Mr. F. Peter a/I G. Francis

Dr. Nor Nadia Raslee

Norasyikin Abdul Malik

Noorlinda Alang

Wan Faridatul Akma Wan Mohd Rashdi

Nurul Ain Hasni

***The 3rd International Conference on Education and
Language for Students and Adult Learners (ELSA)
e-Proceeding***

Organised by,

Academy of Language Studies,

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak Branch

MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID PEMULIHAN DALAM KEMAHIRAN MENGEJA, MEMBACA DAN MENULIS PERKATAAN KVKVK MENGGUNAKAN 4R IN HEAVEN

Wai See Yuan

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Eok Kwan, Jalan Tasek, 33100 Pengkalan Hulu,
Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA.

g-79177204@moe-dl.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan meningkatkan kemahiran mengeja, membaca dan menulis perkataan yang mengandungi gabungan huruf-huruf konsonan-vokal-konsonan-vokal-konsonan (KVKVK) dalam kalangan murid pemulihan. Sewaktu pengajaran Pendidikan Pemulihan terdahulu dijalankan, guru pemulihan berpendapat bahawa kaedah pengajaran "*chalk and talk*" tidak dapat membantu murid pemulihan dalam menguasai kemahiran 3M dengan berkesan. Beliau beranggapan kaedah lama perlu diubahsuai dan ditambah baik untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pemulihan. Kajian ini menggunakan Model Kurt Lewin untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran murid-murid pemulihan. Tiga murid pemulihan Tahun 2 telah dipilih berdasarkan masalah mengeja, membaca dan menulis yang mereka hadapi melalui pemerhatian, senarai semak, dan analisis lembaran kerja. Kemudian, guru pemulihan menjalankan analisis data dan menginterpretasi kesan daripada tindakan beliau. Didapati bahawa murid-murid pemulihan ini telah menjawab kesemua soalan lembaran kerja dengan betul. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa aktiviti seperti ini dapat membantu murid-murid pemulihan meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca perkataan KVKVK. Justeru, guru pemulihan perlu memahami murid tentang konsep membaca perkataan yang mengandungi huruf-huruf konsonan-vokal-konsonan (KVK) sebagai bacaan asas pada awal peringkat pengajaran dan pembelajaran. Beliau menyedari bahawa bahan yang sesuai dapat membentuk konsep mengaitkan suku kata konsonan-vokal (KV) dengan konsonan dalam pemikiran para murid pemulihan. Diharapkan bahawa bahan ini boleh digunakan untuk mengajar perkataan KVKVK dan KVK terhadap murid arus perdana di sekolah lain.

Kata Kunci: Mengeja, membaca, menulis, perkataan KVKVK, 4R in Heaven.

PENGENALAN

Latar Belakang

Menurut Drew (2022), pendidikan pemulihan merupakan satu perkhidmatan khas untuk memenuhi keperluan murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran di sekolah. Bagi mencapai visi ini, pengkaji ditempatkan di sekolah SJK (C) Eok Kwan dan berkhidmat sebagai guru Pemulihan Khas. Di dalam sekolah ini, pengkaji melaksanakan amanah dengan menentukan penguasaan murid pemulihan dan meningkatkan prestasi kemahiran 3M murid secara optimum.

Terdapat seramai 17 murid pemulihan Tahap 1 yang menghadapi masalah pembelajaran dan telah ditempatkan di dalam kelas pemulihan. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis perkataan mereka amat rendah, terutamanya

semasa membaca perkataan perkataan yang mengandungi gabungan huruf-huruf konsonan-vokal-konsonan-vokal-konsonan (KVKVK). Kelemahan mengenal perkataan KVKVK menjadikan murid lesu dan beranggapan perkataan bahasa Melayu amat susah untuk dipelajari. Isu ini telah menjadi cabaran utama dalam amalan tugas hakiki sebagai seorang guru pemulihan. Hal ini kerana murid pemulihan menyangka suku kata konsonan-vokal-konsonan (KVK) lebih sukar disebut dan dilafazkan berbanding dengan suku kata konsonan-vokal (KV). Dari segi fonetik pula, ujaran KVK dianggap lebih susah berbanding KV kerana struktur suku kata KV merupakan struktur suku kata yang umum dan bersifat sejagat (Nur Farahkhanna et al., 2022). Selain itu, murid sering terpengaruh oleh rakan-rakan mereka yang melakukan kesilapan ujaran tersebut. Menurut Zaidi et al. (2019), kanak-kanak menyerap bentuk ujaran yang didengari di sekeliling mereka. Dengan itu, sekiranya ujaran yang disebarkan oleh murid adalah tidak tepat, maka murid lain juga turut menerima dan mempelajari ujaran yang salah.

Bagi mengekang isu ini, pengkaji perlu menjalankan kajian tindakan secara bersemuka kepada murid-murid pemulihan. Pengkaji perlu mengfokuskan terhadap kelemahan pembelajaran supaya mereka dapat menguasai pelajaran mereka seperti murid-murid biasa yang lain. Teknik pengajaran yang bersesuaian perlu diaplikasikan agar murid dapat mengecam suku kata dan menyebut perkataan yang dieja. Pengajaran pemulihan yang menyeluruh dapat mengelakkan murimurid pemulihan daripada terpinggir dan diabaikan.

Pernyataan Masalah

Pada sesi permulaan pengajaran pemulihan Bahasa Melayu, murid-murid pemulihan diminta membaca suku kata KVK dengan menggunakan kertas mahjong KVK sahaja. Walaupun kaedah membaca suku kata KVK berkesan dan bermanfaat, namun masih ada beberapa murid yang tidak berupaya mengeja suku kata KVK. Hal ini kerana mereka tidak dapat mengetahui bagaimana mengaitkan suku kata KV dengan K dan tidak mengetahui cara menyebut huruf konsonan. Menurut Ladefoged (2019), huruf konsonan berfungsi sebagai konsonan nasal dan hentian glotis secara fonetik, terutama apabila berada pada kedudukan koda suku kata. Melalui pemerhatian, pengkaji berpendapat bahawa murid-murid kurang diberi input tentang cara mencerakinkan suku kata KV dengan huruf K untuk membaca KVK. Dengan itu, murid pemulihan tidak berupaya mengeja perkataan KVKVK kerana mereka lemah dalam pembacaan KVK sebagai tahap pembacaan asas. Selain itu, murid-murid juga tidak boleh mendiskriminasikan suku kata KV dan huruf konsonan K. Kadangkala mereka turut menggugurkan huruf konsonan daripada suku kata KVK. Didapati juga bahawa hasil lembaran kerja mereka tidak memuaskan kerana murid tidak dapat membayangkan dan membatang suku kata KVK dengan KV tersebut.

Sekiranya masalah ini tidak diatasi, perkembangan kemahiran membaca murid-murid pemulihan akan terjejas. Mereka tidak berupaya untuk membaca petikan mudah jika mereka gagal mencerakinkan suku kata dalam rangkaian kata tersebut. Hal ini menyebabkan murid-murid tidak dapat memupuk sikap minat membaca. Pada masa jangka panjang, mereka akan buta huruf dan tidak berkebolehan untuk membaca dalam kehidupan harian mereka.

Oleh itu, pengkaji telah merancang satu tindakan yang terancang untuk mengatasi masalah mengenal suku kata KVK ini. Pengkaji telah memilih kemahiran pemulihan perkataan KVKVK sebagai fokus kajian. Pengkaji perlu menghasilkan satu bahan bantu mengajar yang membantu murid-murid untuk mengaitkan suku kata KV dengan K di samping dapat menjalankan aktiviti membaca KVKVK secara berperingkat. Menerusi kajian ini, pengkaji berharap agar kaedah ini dapat membantu murid-murid pemulihan mengeja, membaca dan menulis perkataan KVKVK dengan betul dan tepat.

FOKUS KAJIAN

Pemilihan Fokus Kajian

Fokus kajian ini lebih tertumpu terhadap cara penyelesaian masalah mengeja, membaca dan menulis perkataan KVKVK. Melalui kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa pengkaji kurang membentuk konsep bacaan asas. Kelemahan pengajaran pengkaji dalam membina konsep KV dan KVK daripada awal mengakibatkan kesilapan murid-murid dalam membaca perkataan KVKVK dengan betul. Menurut Metcalfe (2017), kesilapan di peringkat awal menjadikan murid-murid mencontohi kesilapan tanpa sedar dan meningkatkan kebarangkalian mereka untuk mengulangi kesilapan ini. Kesilapan yang berulang-kali akan disimpan dalam ingatan jangka panjang dan kekal selama-lamanya di sana (Metcalfe, 2017). Keputusan para peserta kajian pada permulaan kajian juga tidak memuaskan kerana mereka pada usia ini masih tidak dapat mengukuhkan konsep membaca suku kata asas seperti mengugurkan konsonan K daripada suku kata KVK dan gagal mencerakinkan perkataan KVKVK kepada suku kata KVK dan KV.

Selain itu, pengajaran konvensional yang menekankan kaedah '*chalk and talk*' tidak membantu para peserta kajian mencapai hasil pengajaran secara optimum. Menerusi kaedah pengajaran lama, pengkaji tidak menggunakan bahan bantu mengajar untuk mendorong pemahaman mereka. Maycock (2019) menyatakan bahawa pengajaran '*chalk and talk*' lebih berpusatkan guru dan kurang kreatif dan inovatif. Sekiranya kesilapan ini tidak dapat diselesaikan, murid-murid berkemungkinan mendapat markah yang rendah dalam ujian literasi dan kurang berminat untuk belajar bahasa Melayu. Dalam tempoh jangka panjang, mereka bakal ketinggalan pelajaran yang beraras tinggi seperti sesi mengeja dan menjawab soalan pemahaman yang melibatkan perkataan KVKVK.

Bagi menyelesaikan masalah ini, pengkaji menganalisis fokus kajian dan menghasilkan 4R in Heaven sebagai bahan pengajaran. Bahan ini mengambil kira beberapa kriteria bagi menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah kebolehtadbiran, kepentingan, kebolegunaan dan kawalan.

Dari segi kebolehtadbiran, 4R in Heaven dilaksanakan di dalam ruang bilik darjah dan tidak memerlukan ruang yang khas kerana bentuknya kecil dan hanya melibatkan kumpulan murid yang kecil sahaja. Selain itu, teknik yang digunakan di dalam ruang ini ialah teknik vokal, teknik bermain dan latih tubi. Teknik vokal ini dilaksanakan apabila murid-murid didedahkan kepada sebuah ruang yang dianggap sebagai sebuah rumah untuk menjalankan aktiviti menjemur pakaian dan

mencuci pakaian. Berbanding dengan penggunaan modul serta kad imbasan, teknik bermain dapat diaplikasikan semasa murid-murid menjalankan aktiviti menyimpan barang dan membuka kotak kata laluan manakala teknik latih tubi dijalankan selepas murid menggunakan rumah yang telah dihasilkan.

Dari segi kepentingan, bahan ini berpeluang memantapkan kefahaman murid terhadap suku kata KVK sebelum membaca KVK secara lancar. Rumah ini dapat membantu murid mengaitkan suku kata KV dengan K di samping dapat menjalankan aktiviti membaca KVKVK secara berperingkat. Oleh itu, bahan ini perlu mempunyai empat ruangan yang digabung-jalin supaya membantu murid-murid berlatih ujaran KVK dengan mantap lalu meneruskan bacaan perkataan KVKVK.

Dari segi kebolegunaan, *4R in Heaven* boleh dikongsi oleh para pendidik yang mengajar Bahasa Melayu Tahap 1 kerana bahan ini adalah berkait rapat dengan pengajaran perkataan Bahasa Melayu Tahap 1. Murid-murid arus perdana juga boleh terlibat dalam aktiviti ini secara *hands-on* sewaktu menjalankan aktiviti bercerita. Aktiviti *hands-on* yang melibatkan deria memberi inspirasi untuk meningkatkan standard pembelajaran dan penyertaan murid (Musharral, 2020). Di samping itu, bahan ini berpotensi sebagai bahan rujukan kepada pihak sekolah lain kerana televisyen dan kotak kata laluan dijadikan panduan untuk merangsang minat dan rasa ingin tahun murid-murid arus perdana mahupun pemulihan. Bagi guru Bahasa Melayu pula, bahan ini amat ringan, kecil, dan mudah dibawa ke mana-mana kelas untuk melancarkan pengajaran Bahasa Melayu mereka.

Dari aspek kawalan, disebabkan hanya melibatkan tiga peserta kajian dalam penggunaan *4R in Heaven* ini, hal ini memudahkan pengkaji untuk mengawal tingkah laku mereka. Dengan adanya kawalan yang tetap, pengkaji dapat mengambil peluang untuk mentaksir, menganalisis serta membuat rumusan terhadap tingkah laku murid. Oleh itu, bagi mencapai hasrat kajian itu, pengkaji berkolaborasi dengan guru Bahasa Melayu dan membincangkan kaedah yang berpusatkan murid dengan penggunaan bahan bantu mengajar. Pada masa ini, pengkaji akan memperkenalkan bahan bantu mengajar sekiranya bahan ini efektif dan berguna terhadap perkembangan murid-murid pemulihan. Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji juga mengubahsuai bahan bantu mengajar supaya dapat melayan karenah murid-murid pemulihan tersebut.

Pengumpulan Data Awal

Terdapat tiga instrumen utama untuk mendapatkan data dan maklumat secara awal iaitu, pemerhatian, senarai semak, dan lembaran kerja.

Pemerhatian

Bagi melancarkan pemerhatian ini, sebuah instrumen telah disediakan untuk menentukan penguasaan murid dalam kemahiran perkataan KVKVK. Pemerhatian ini dilaksanakan secara kuantitatif. Semasa menjalankan pemerhatian, pengkaji mengesan bahawa murid-murid pemulihan menghadapi masalah dalam menyebut KVK kerana mereka tidak memahami sebutan konsonan. Contohnya, mereka tidak mengetahui fonem /r/, /n/, /m/, /s/ dan sebagainya. Selain itu, mereka sering melakukan kesilapan membaca KVKVK kepada KVKV. Hal ini menunjukkan mereka

sering mengabaikan konsonan daripada KVK.

Senarai Semak

Senarai semak digunakan sebagai bahan sokongan pemerhatian. Melalui pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa murid-murid boleh menyebut suku kata KV mengikut kajian fonologi. Namun begitu, mereka sering mengulangi kesilapan membatangkan suku kata KV dengan huruf konsonan K. Hal ini dibuktikan semasa mereka diarahkan untuk mengeja, mereka sering melakukan kesalahan mengeja suku kata tertutup KVK pada akhir perkataan KVKVK. Merujuk kepada senarai semak, murid turut menggugurkan dan menukarkan konsonan yang terletak di akhir perkataan KVKVK.

Murid-murid pemulihan turut tidak berupaya membatangkan suku kata KV dengan KVK semasa mereka diperkenalkan kepada carta perkataan KVKVK. Walaupun murid-murid boleh membezakan suku kata KV dengan KVK mengikut warna suku kata tersebut, namun mereka masih gagal melafazkan KVK kerana mengalami kekeliruan dengan perbezaan di antara suku kata KV dengan KVK. Jadual 1 mempamerkan contoh senarai semak untuk menguji murid-murid pemulihan ini:


Jadual 1. Senarai semak murid pemulihan

Bil.	Kemahiran membaca KV+KVK	Murid Pemulihan		
		M1	M2	M3
1.	Dapat membatangkan dan mengeja suku kata KV (contoh: b...a, ba, c....a, ca)	/	/	/
2.	Dapat membatangkan dan mengeja suku kata KVK (contoh: ba...n, ban)			
3.	Dapat membaca suku kata KVK tanpa menggugur dan menukar huruf konsonan K			
4.	Dapat membatangkan perkataan KV+KVK berdasarkan warna suku kata (contoh: ka...sut, kasut)	/	/	/
5.	Dapat mengeja dan membaca perkataan KV+KVK berdasarkan warna suku kata (contoh: ka...sut, kasut)			
6.	Dapat menulis perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)			

Lembaran Kerja

Lembaran Kerja turut direka untuk mentaksir kebolehan murid-murid menulis suku kata KV dan KVK. Semasa mereka menjawab soalan lembaran kerja KVKVK, mereka berkeupayaan membayangkan dan menulis suku kata KV. Namun begitu, mereka tidak berupaya menentukan pembentukan KVK. Perkara ini berlaku kerana mereka keliru dengan kesesuaian huruf konsonan untuk dicantumkan dengan KV

dan menjadi suku kata KVK. Dengan itu, jawapan mereka tidak lengkap kerana mereka hanya boleh mengisi satu suku kata KV dan mengetepikan suku kata KVK. Contoh hasil lembaran kerja ditunjukkan seperti di dalam Rajah 1:




Rajah 1. Hasil lembaran kerja sebelum kajian tindakan

Tindakan

Kajian ini menggunakan model Kurt Lewin (1945) sebagai panduan untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid-murid pemulihan. Menurut Kurt Lewin, model tindakan ini didefinisikan sebagai satu penyelidikan yang melibatkan satu lingkaran secara sistematik (Jillis & Edwards, 2014). Lingkaran ini terdiri daripada perancangan, tindakan, dan pencarian fakta tentang hasil tindakan tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan empat langkah model itu, iaitu rancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Rajah 2 merupakan langkah-langkah pelaksanaan kajian pengkaji:

Model ini menekankan kepada teori kajian tindakan kritikal di mana ia memerhati keberkesanan sebuah produk kepada perkembangan murid-murid pemulihan. Perkara ini disokong oleh Elliott (1991) yang menjelaskan bahawa Teori Kajian Tindakan kritikal adalah lebih menjurus kepada keberkesanan dan kecekapan amalan pendidikan atau bertumpu pada produk (de Castro, 2015). Teori ini mementingkan guru sebagai fasilitator dalam mencari jalan penyelesaian dan mengatasi masalah secara kritikal.



Sumber: Willis dan Edwards (2014)

Rajah 2. Model Kurt Lewin (1945)

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi objektif kajian ini, *4R in Heaven* yang dicipta dapat:

1. Membantu murid-murid pemulihan meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca perkataan KVKVK dengan betul menggunakan;
2. Membantu murid-murid pemulihan meningkatkan kemahiran menulis perkataan KVKVK dengan betul menggunakan.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan, terdapat dua persoalan dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah *4R in Heaven* membantu murid pemulihan meningkatkan kemahiran mengeja dan membaca perkataan KVKVK dengan betul?
2. Bagaimanakah *4R in Heaven* membantu murid pemulihan meningkatkan kemahiran menulis perkataan KVKVK dengan betul?

Batasan Kajian

Bagi batasan kajian ini, pengkaji menetapkan kajian tindakan ini dijalankan bersama satu kelas pemulihan sahaja. Fokus kajian dibataskan kepada kemahiran Pemulihan ke-11 iaitu perkataan KVKVK daripada keseluruhan kemahiran pemulihan Bahasa Melayu. Objektif pembelajaran ini adalah dirujuk daripada Buku Panduan PdP Bahasa Melayu yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Memandangkan bilangan murid pemulihan adalah terhad, kajian ini terbatas kepada tiga orang murid-murid pemulihan yang lemah dalam penguasaan kemahiran KVKVK. Murid-murid pemulihan yang terlibat dalam kajian ini adalah di bawah seliaan pengkaji. Hal ini bertujuan untuk memperoleh dapatan kajian yang menepati objektif kajian.

Berdasarkan batasan yang diuraikan, adalah dicadangkan bahawa keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasi kerana kajian ini mengambil kira faktor kelemahan dalam sebutan KV dan KVK. Keputusan kajian ini lebih bergantung kepada kesan sebutan murid-murid pemulihan selepas kajian tindakan dan kefahaman mereka terhadap cerakin suku kata KV dan KVK di lokasi yang ditetapkan. Sehubungan itu, data yang diperoleh adalah berdasarkan kepada model kajian tindakan ini dalam mentaksir dan menilai sesuatu data dengan sahih.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Dalam kajian ini, tiga orang murid pemulihan Tahun 2 telah dipilih sebagai peserta kajian. Mereka mereka berbangsa Siam dan Cina serta memilih bahasa ibunda mereka sendiri sebagai medium komunikasi. Faktor ini menyebabkan mereka kurang mempelajari bahasa Melayu dengan efektif. Perkara ini lebih mendorong pengkaji untuk menguji peserta kajian yang lemah dalam penguasaan bahasa Melayu.

Murid-murid ini berupaya membaca suku kata KV dengan betul tetapi menghadapi masalah dalam mengeja suku kata KVK. Mereka juga turut mengulangi kesilapan walaupun diberi bacaan suku kata KVK untuk mengeja dan membacanya. Namun begitu, mereka mampu menyelesaikan tugas yang diberikan dan menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Pendekatan Yang Digunakan

Disebabkan bilangan murid pemulihan adalah terhad, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bersifat reka bentuk eksperimental dan inferensi. Selepas itu, pengkaji membuat perbandingan di antara sebelum dan selepas kajian dijalankan.

Perancangan Tindakan

Langkah-langkah Tindakan

Cara menjalankan kajian tindakan ini ditunjukkan di dalam Jadual 2:

Langkah aktiviti 4R in Heaven

Jadual 2. Langkah aktiviti 4R in Heaven

Bil.	Cara melaksanakan	Gambar
1.	Aktiviti 1 - Pada peringkat permulaan, murid-murid pemulihan didedahkan dengan permukaan pertama 4R in Heaven. - Murid-murid pemulihan diberi penerangan tentang cara membaca carta suku kata KVK dengan menyidai dan menggabungkan kad pakaian KV dengan huruf konsonan K. - Murid-murid mengeja kad pakaian KV lalu mengaitkan suku kata KV dengan huruf	

	konsonan K. Murid-murid pemulihan diberi bimbingan menjalankan aktiviti mencuci baju di mana murid memutarakan roda KV dan roda K.	
2.	Aktiviti 2 - Murid-murid pemulihan didedahkan permukaan kedua – ruang tamu. - Murid-murid diminta memutarakan penyepit televisyen untuk membaca slaid perkataan KVKVK yang diberikan. Murid-murid mengeja dan membaca perkataan KVKVK dengan bimbingan guru pemulihan.	
3.	Aktiviti 3 - Murid-murid didedahkan permukaan ketiga dan menjalankan aktiviti mengemas bilik bahan. - Semasa aktiviti ini dijalankan, murid-murid memerlukan bimbingan guru pemulihan untuk menyusun kad gambar yang berselerak - dan meletakkannya pada tempat asalnya.	
4.	Aktiviti 4 - Murid-murid ditunjukkan dengan permukaan keempat 4R in Heaven. - Murid-murid menyusun puzzle gambar di belakang kad gambar yang dicari untuk membina kata laluan kotak tersebut. - Selepas murid-murid berjaya membuka kotak dengan kata laluan, mereka mengambil ganjaran daripada kotak tersebut.	

Perancangan Kaedah Mengumpul Data Pemerhatian

Pengkaji menjalankan pemerhatian secara menyeluruh dengan meneliti, mencerap, serta merumuskan perkembangan murid-murid pemulihan. Segala perubahan tingkah laku mereka dan respons terhadap pembelajaran akan dicatat secara ringkas untuk mengkaji sesuatu perubahan tingkah laku. Senarai semak turut disediakan untuk mengesan tingkah laku mereka. Kriteria mengenai perilaku dan respons mereka akan disenaraikan di dalam senarai semak untuk membuat perbandingan di antara mereka.

Senarai Semak

Senarai semak turut disediakan sewaktu proses pemerhatian dijalankan. Item berkaitan kemahiran membaca sampel kajian juga dikenal pasti sebagai objektif pelajaran bagi memudahkan proses analisis. Tujuan senarai semak dihasilkan di dalam bentuk jadual adalah untuk memudahkan guru menanda dan membuat catatan secara ringkas. Selain itu, pengkaji akan menggunakan senarai semak untuk mencerap empat orang murid pemulihan sebelum dan selepas kajian tindakan dijalankan. Pengkaji juga dapat melihat perbandingan kemahiran


membaca perkataan KV+KVK dengan menggunakan *4R in Heaven*. Contoh senarai semak ditunjukkan di bawah jadual 3.

Jadual 3. Senarai semak murid peralihan

Bil.	Kemahiran membaca KV+KVK	Sebelum Tindakan			Selepas Tindakan		
	Murid Pemulihan	M1	M2	M3	M1	M2	M3
1.	Dapat membatangkan suku kata KVK (contoh: ba...n, ban)						
2.	Dapat mengeja suku kata KVK (contoh: ba...n, ban)						
3.	Dapat mengeja suku kata KV dan KVK yang berbeza huruf konsonan dan vokal. (contoh: ki....pas)						
4.	Dapat mengeja perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)						
5.	Dapat membaca perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)						
6.	Dapat menulis perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)						

Lembaran Kerja

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan lembaran kerja sebagai instrumen kajian. Terdapat dua jenis lembaran kerja yakni lembaran kerja menulis satu suku kata dan lembaran kerja menulis dua suku kata berpandukan gambar. Item-item di dalam lembaran kerja ini berformat soalan struktur tanpa pilihan jawapan. Murid-murid diminta mengimbas kembali perkataan KVKVK yang dipelajari dan menulis jawapan yang betul. Contoh gambar-gambar di dalam lembaran kerja ini dilampirkan seperti di dalam Rajah 3 dan Rajah 4.



Rajah 3. Lembaran kerja menulis satu suku kata KV+KVK

The worksheet is titled "Lembaran Kerja 1" and "Latihan menulis dua suku kata KVK+KVK". It contains five rows, each with an icon in a box, followed by two empty boxes for writing, and a larger empty box for the final answer. The icons are: a red pen, a blue globe, a blue and white striped object, a yellow ruler, and a yellow pencil.

Rajah 4. Lembaran kerja menulis dua suku kata KV+KVK

Secara keseluruhan, murid-murid dikehendaki menjawab dengan betul sekurang-kurangnya 4 daripada 5 soalan item di dalam lembaran kerja. Calon dianggap gagal menguasai kemahiran sekiranya mereka gagal mencapai tahap yang ditetapkan ini. Dalam kajian ini, pengkaji mengkategorikan 2 bahagian skala pemarkahan mengikut skor lembaran kerja. Skala pemarkahan dirujuk daripada Panduan Pentadbiran Saringan LINUS 2.0 Bahasa Melayu yang memastikan murid menulis sekurang-kurangnya 4 daripada 5 perkataan dengan betul. Contoh skala pemarkahan ditunjukkan seperti di dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4. Skala pemarkahan

Skor Markah	Skala Pemarkahan
1 – 3 soalan	Tidak Lulus
4 – 5 soalan	Lulus

Kaedah Pengukuran

Bagi pemerhatian terhadap murid-murid pemulihan, beberapa video telah dirakamkan untuk memerhati kesan 4R *in Heaven* terhadap bacaan dan tulisan perkataan KVKVK murid-murid. Kebolehan mereka juga dicatatkan di dalam senarai semak. Data pemerhatian akan dianalisis dan ditunjukkan di dalam bentuk jadual. Tingkah laku mereka akan diperhatikan secara semula jadi dan ditandakan semasa atau selepas pemerhatian dijalankan.

Bagi kaedah analisis lembaran kerja, dokumen-dokumen kerja murid-murid pemulihan disimpan bagi menganalisis kebolehan mereka dalam menyelesaikan soalan KV+KVK. Contoh dokumen yang disimpan adalah seperti buku latihan dan lembaran kerja murid tersebut. Segala dokumen disimpan untuk menjalankan taksiran keputusan secara keseluruhan.

Perancangan Cara Menganalisis Data

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif dan inferensi. Kaedah statistik deskriptif digunakan dengan menghitung jumlah sampel kajian yang menjawab soalan dengan betul mengikut skala pemarkahan lembaran kerja. Kaedah ini sesuai untuk melihat pencapaian sampel kajian di dalam lembaran kerja sebelum dan selepas kajian tindakan. Tujuan analisis

lembaran kerja dijalankan sebelum dan selepas kajian adalah untuk memudahkan pengkaji memberi gambaran perbandingan lembaran kerja secara berterusan. Cara mengira peratus jumlah murid-murid yang menjawab soalan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Peratus murid yang menjawab soalan dengan betul (\%)} = \frac{\text{Jumlah murid yang menjawab soalan dengan betul}}{\text{Keseluruhan murid}} \times 100 \%$$

Bagi analisis statistik inferensi, pengkaji mengumpul dan menganalisis data pemerhatian dan senarai semak untuk membuat inferens. Murid-murid yang menunjukkan respon yang menepati objektif kajian akan ditanda di dalam senarai semak Data yang dikumpul akan ditaksir dalam bentuk huraian berdasarkan persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Analisis Pemerhatian

Merujuk kepada video pemerhatian, pengkaji berpendapat bahawa murid-murid berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti *4R in Heaven* dengan bimbingan pengkaji. Semasa menjalankan aktiviti pertama, murid-murid pemulihan dapat memanipulasikan dan menggabungkan baju suku kata untuk mengetahui kaitan suku kata KV dengan K. Menerusi aktiviti menyidai pakaian, mereka dapat menjana idea dengan membaca suku kata KV terdahulu lalu membunyikan huruf konsonan K dengan betul. Mereka juga dapat membezakan suku kata KVK dengan memutar roda daripada mesin pakaian. Dengan itu, mereka dapat mengeja dan membaca suku kata KVK lalu mengeja perkataan KVKVK dengan betul dan tepat. Atas kegigihan mereka, mereka juga mampu membina kata laluan untuk membuka kotak. Mereka dapat mengetahui cara memahami bacaan KVK dan membaca perkataan KVKVK dengan betul dan tepat. Mereka tidak keliru apabila terdedah terhadap perkataan KVKVK yang baru. Contoh-contoh rakaman video ini dapat dilihat menerusi lampiran yang disediakan.

Rekod anekdot juga menunjukkan kebolehan murid-murid dalam menjalankan keempat-empat aktiviti *4R in Heaven*. Mereka bekerjasama dalam menjalankan aktiviti mencari perkataan tersembunyi untuk membina kata laluan yang betul. Walaupun mereka menghadapi kesukaran semasa menyudahkan *puzzle* gambar, namun mereka tetap memupuk sikap ingin tahu dan sanggup berusaha bagi menyelesaikan cabaran ini. Adakalanya mereka juga saling membantu semasa menyusun *puzzle* gambar tersebut.

Analisis Lembaran Kerja

Analisis data bagi lembaran kerja kemahiran KV+KVK dipamerkan di dalam Rajah 5 dan Rajah 6:



Rajah 5. Analisis lembaran kerja pertama

Rajah 5 menunjukkan markah bagi lembaran kerja satu suku kata yang diperolehi oleh murid-murid pemulihan. Sebelum terdedah kepada *4R in Heaven*, mereka tidak dapat menjawab soalan dengan betul kerana mereka keliru bagaimana untuk berfikir dalam membina suku kata KVK. Setelah didedahkan dengan *4R in Heaven*, mereka berupaya menjawab semua soalan di dalam lembaran kerja dengan betul dan jelas. Hal ini kerana mereka dapat menjana idea dan mengetahui cara membina suku kata KVK yang diajar melalui aktiviti menyidai pakaian. Kejayaan membina suku kata KVK dapat membantu mereka menulis suku kata KVK dan perkataan KVKVK dengan betul. Hasil daripada lembaran kerja mereka ditunjukkan pada rajah 10 dan 11 di bahagian Lampiran.



Rajah 6. Analisis lembaran kerja kedua

Rajah 6 menunjukkan markah bagi lembaran kerja dua suku kata yang telah dijalankan oleh murid-murid pemulihan. Pada masa ini, mereka mendapat bimbingan daripada pengkaji dan mengimbas kembali apa yang dipelajari daripada lembaran kerja pertama. Sesi ini melibatkan aktiviti ejaan di mana mereka mengingatkan semula perkataan yang dipelajari dan menulis semula suku kata KV dan KVK. Melalui rajah yang diperolehi, telah mendapati bahawa mereka dapat menjawab 4 daripada 5 soalan dengan betul kerana mereka telah memahami cara

membina suku kata KVK pada sesi lembar kerja pertama. Mereka juga telah dapat mengukuhkan ingatan mereka dan menulis perkataan KVKVK dengan betul.

Bagi kedua-dua lembar kerja ini, pengkaji telah menjalankan analisis statistik deskriptif untuk mengira jumlah murid-murid yang telah berjaya menjawab soalan-soalan di dalam lembar kerja. Jadual 5 menunjukkan perbandingan murid-murid yang mencapai kelulusan skor pemarkahan sebelum dan selepas kajian tindakan dijalankan.

Jadual 5. Analisis peratus murid mencapai kelulusan skor pemarkahan

Jenis Lembaran Kerja	Bil. murid menguasai kemahiran Sebelum Tindakan	Peratus (%)	Bil. murid menguasai kemahiran Selepas Tindakan	Peratus (%)
Lembaran Kerja Satu Suku Kata	0/3	0	0	0
Lembaran Kerja Dua Suku Kata	0/3	3/3	3/3	3/3

Berdasarkan Jadual 5, ketiga-tiga murid telah mencapai peningkatan kelulusan skor pemarkahan 100 peratus berbanding dengan sebelum tindakan diambil. Hal ini membuktikan bahawa mereka boleh menjawab soalan dan mencapai kelulusan skor permarkahan lembar kerja KVKVK yang ditetapkan oleh pengkaji. Dapatan analisis juga telah menunjukkan bahawa mereka telah mencapai peningkatan yang tinggi dan menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding dengan sebelum kajian tindakan dijalankan.

Analisis Senarai Semak

Berdasarkan senarai semak yang dicatat, ketiga-tiga murid telah menunjukkan tingkah laku yang positif sewaktu kajian tindakan dijalankan. Sebelum menjalankan kajian tindakan, hanya dua murid pemulihan dapat membatangkan suku kata KVK, tetapi tidak berupaya mengeja dan membaca suku kata KVK. Didapati juga bahawa murid-murid telah membaca perkataan berdasarkan gambar yang disediakan kerana mereka hanya mengenal dan menamakan benda berdasarkan gambar yang mereka lihat sahaja.

Selepas menjalankan kajian tindakan, murid-murid pemulihan dapat membatangkan suku kata KVK, contohnya suku kata "ba" dengan "n" dijadikan "ban". Mereka turut berfikir dan dapat mengeja suku kata KV dan KVK yang berbeza huruf vokal dan konsonan. Oleh sebab mereka telah memahami cara sebutan suku kata KVK, mereka telah dapat membaca perkataan KV+KVK berdasarkan gambar yang disediakan. Adakalanya, sebahagian daripada mereka juga boleh mengeja dan membaca perkataan KVKVK tanpa merujuk kepada gambar tersebut. Kajian ini juga berkesan semasa mereka mengimbas kembali dan menulis perkataan KV+KVK berdasarkan gambar yang disediakan. Keputusan mereka telah ditunjukkan di dalam Jadual 6:

Jadual 6. Keputusan murid dalam kemahiran membaca KV+KVK

Bil	Kemahiran membaca KV+KVK	Sebelum Tindakan			Selepas Tindakan		
		M1	M2	M3	M1	M2	M3
	Murid Pemulihan						
1.	Dapat membatangkan suku kata KVK (contoh: ba...n, ban)		/		/	/	/
2.	Dapat mengeja suku kata KVK (contoh: ba...n, ban)				/	/	/
3.	Dapat mengeja suku kata KV dan KVK yang berbeza huruf konsonan dan vokal. (contoh: ki....pas)				/	/	/
4.	Dapat mengeja perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)				/	/	/
5.	Dapat membaca perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)	/	/		/	/	/
6.	Dapat menulis perkataan KV+KVK berdasarkan gambar (contoh: ka...sut, kasut)				/	/	/

1. Membantu murid-murid pemulihan meningkatkan kemahiran membaca perkataan KVKVK dengan betul menggunakan 4R in Heaven.

Analisis pemerhatian dan senarai semak telah membuktikan bahawa murid-murid pemulihan dapat memahami cara mengeja dan membaca perkataan KVKVK dengan betul. Hal ini kerana mereka menggunakan kaedah bacaan secara fonik menerusi aktiviti 4R in Heaven. Abu Bakar (2019) menjelaskan bahawa kaedah bacaan secara fonik merupakan proses nyah kod perkataan berdasarkan suku kata. Menerusi aktiviti menyidai baju, murid-murid diajar bahawa konsonan K mempunyai nilai bunyi untuk membatangkan suku kata KV. Dengan adanya kaedah fonik yang memperkenalkan bunyi dan bukannya nama huruf, mereka dapat menghasilkan ujaran KVK dengan betul. Mereka lebih memahami bahawa perbezaan bunyi KVK adalah berpandukan kepada huruf konsonan. Mereka juga dapat mengurangkan berlakunya pengguguran konsonan kerana mereka dapat mengujar huruf konsonan berdasarkan cara artikulasi setiap huruf. Pada akhirnya, mereka dapat melafazkan KV dan KVK dengan betul. Kaedah ini ditemui oleh Nur Farahkhanna Mohd Rusli et. al (2022), di mana peraturan membunyikan konsonan dapat membantu murid menyebut perkataan.

Selain itu, satu lagi faktor keupayaan murid-murid dalam membaca perkataan KVKVK adalah kerana mereka dapat mempelajari bacaan asas pada peringkat permulaan. Pembacaan KVK pada peringkat permulaan membolehkan mereka

membaca perkataan KVKVK bertahap tinggi dengan mengaitkan suku kata KVK yang telah dipelajari dengan suku kata KV. Hal ini sesuai dengan pendapat Amier (2013) yang menyatakan bahawa kemampuan membaca yang diperoleh melalui membaca permulaan akan berpengaruh terhadap kemampuan membaca lanjut murid-murid. Fenomena ini berasaskan Pembelajaran Masteri yang memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditentukan dalam suatu unit pembelajaran sebelum bergerak ke unit pembelajaran seterusnya (Bergmann, 2022). Kaedah ini dapat membantu murid membatangkan KV dengan K sebagai pengetahuan asas agar mengukuhkan konsep membaca suku kata KVK tersebut.

Teknik pengulangan juga telah banyak digunakan sepanjang pembacaan KVK dijalankan. Pengulangan aktiviti yang sama dapat membantu peserta kajian mengekalkan ingatan. Menurut Zhan et al. (2018), maklumat yang digunakan semasa menjalankan proses ulangan akan dapat dikekalkan dalam ingatan selama-lamanya.

2. Membantu murid-murid pemulihan meningkatkan kemahiran menulis perkataan KVKVK dengan betul menggunakan 4R in Heaven.

Analisis lembaran kerja menunjukkan bahawa murid-murid pemulihan dapat mencapai peningkatan yang maksimum. Hal ini kerana mereka dapat merangsang minda dan berimajinasi bagaimana bunyi konsonan K dapat mengaitkan suku kata KV. Mereka dapat menjana idea dan memilih bunyi konsonan K yang bersesuaian dengan KV untuk menulis suku kata KVK. Contohnya, huruf 'r' akan digabungkan dengan 'ta' untuk dijadikan 'tar' semasa menjawab soalan gitar. Selain itu, mereka juga dapat menulis perkataan KVKVK dengan tepat pada tempat kosong bergaris empat. Umejima et.al (2021) berpendapat bahawa latihan menulis yang dijalankan dapat mengukuhkan ingatan murid-murid berbanding dengan menggunakan tablet dan telefon bimbit. Sebenarnya, tulisan yang baik juga turut menyumbang kepada kelancaran membaca kerana ia mengaktifkan persepsi visual huruf dalam minda murid-murid pemulihan.

REFLEKSI DAN CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa kaedah 4R *in Heaven* dapat mencapai kejayaan kerana hasilnya bertepatan dengan objektif kajian yang disasarkan. Pengkaji mengimbas kembali dan menyedari bahawa bacaan suku kata asas perlu diamalkan untuk memudahkan kaedah membaca perkataan KVKVK. Pengkaji mengetahui bahawa kefahaman konsonan dapat menyumbang kepada bacaan KVK dengan lebih berkesan. Tanpa 4R *in Heaven*, pengkaji masih tidak berupaya untuk mengajar tentang kaitan KV dengan K dan memupuk cara membaca perkataan KVKVK.

Pengkaji telah mengesan kekuatan dan kelemahan bagi pengajaran 4R *in Heaven* ini. Dari aspek kekuatan, pengkaji dapat menambah baik amalan pengajaran berdasarkan penguasaan murid-murid pemulihan dan prinsip pembelajaran abad ke-21. Kejayaan kajian tindakan amat bergantung kepada faktor kesinambungan aktiviti 4R *in Heaven* dengan teknik perkataan KVKVK. Berbanding dengan kertas mahjong KVK, aktiviti 4R *in Heaven* telah mencapai hasil pembelajaran secara

optimum kerana aktiviti ini dijalankan melibatkan pembelajaran masteri secara berperingkat. Pembelajaran Masteri membantu murid-murid mempelajari suku kata KVK sebagai pengetahuan asas supaya melanjutkan kepada bacaan perkataan KVKVK (Bergmann, 2022). Selain itu, aktiviti ini juga dilakukan secara berkumpulan dan bersifat *hands-on* supaya dapat mencungkil kemahiran murid-murid pemulihan. Hal ini disokong oleh kajian Zakiah et al. (2013) yang menekankan pembelajaran secara berkumpulan dan berkoperatif dalam mengaktifkan minda kanak-kanak.

Dari aspek kelemahan, pengkaji menyedari bahawa bahan ini hanya mengekalkan ingatan teknik membaca KVKVK dalam masa yang terhad. Oleh itu, bahan ini perlu ditambah baik lagi dengan menyediakan modul bacaan KVKVK supaya murid-murid pemulihan dapat dilatih untuk membaca perkataan KVKVK secara berkala. Lantaran itu, murid-murid pemulihan haruslah menggunakan *4R in Heaven* secara berterusan. Langkah ini dapat meningkatkan daya ingatan murid-murid tentang cara membaca KVKVK dengan betul. Secara menyeluruh, bahan pengajaran ini perlu dimurnikan daripada semasa ke semasa untuk memastikan objektif kajian yang dirancang dapat dicapai.

KESIMPULAN

Konklusinya, dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa *4R in Heaven* mendatangkan impak positif dalam bacaan perkataan KVKVK. Murid-murid pemulihan berpeluang untuk menyebut perkataan dengan teknik kaedah fonik yang betul. Pada peringkat global, penggunaan *4R in Heaven* dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan kemahiran membaca di dalam diri murid-murid. Justeru, *4R in Heaven* mampu membantu para pendidik lain untuk mengajar perkataan Bahasa Melayu yang melibatkan suku kata KVK.

Selepas menjalankan kajian tindakan, pengkaji berpendapat bahawa para guru pemulihan berperanan sebagai fasilitator dengan merangka bahan pengajaran yang berpusatkan murid-murid pemulihan. Kaedah ini membolehkan mereka menimba ilmu dengan efektif kerana murid-murid boleh meneroka, menaakul, serta membina konsep dalam minda mereka. Dengan adanya bahan bantu mengajar, murid-murid mempunyai kebebasan untuk menyuarakan pendapat, berkongsi ilmu, serta menjalankan aktiviti bersama dengan para guru pemulihan. Inisiatif ini selaras dengan Aspirasi PPPM 2013-2025 yang ingin memastikan guru-guru dapat mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan bahan bantu mengajar mereka demi menghasilkan pembelajaran bermakna dan memperkembangkan lagi keupayaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid.

Beberapa cadangan boleh dilakukan untuk menambah baik amalan pengajaran bagi murid-murid pemulihan. Cadangan pertama ialah para guru perlu mempelajari dan mengaplikasikan strategi pembelajaran daripada Buku Panduan Pendidikan Pemulihan. Dengan itu, pengajaran kelas pemulihan akan lebih menarik dan keupayaan murid-murid pemulihan dapat ditingkatkan dengan lebih proaktif. Justeru, para guru perlu menjaga kefasihan dan sebutan Bahasa Melayu mereka sendiri supaya dapat memberikan input kepada murid-murid dan membantu

mereka menguasai kemahiran bertutur dengan lebih baik.

SENARAI RUJUKAN

- Abu Bakar, M. (2019). Sebutan Johor-Riau dan sebutan baku dalam konteks identiti masyarakat Melayu Singapura. *Issues in Language Studies*, 8(2), 61-78. <https://doi.org/10.33736/ils.v8i2>
- Amier. Muhammad. (2013). *Materi Dan Pembelajaran Bahasa Indonesia Kelas Awal*: Universitas Muhammadiyah Makassar.
- Bergmann, J. (2022) *The Mastery Learning Handbook: A Competency-Based Approach to Student Achievement*. Association for Supervision and Curriculum Development
- Drew, C. (2022). *Remedial Education – Advantages, Disadvantages & Examples*. Helpful Professor. <https://humanities.utm.my/education/wpcontent/uploads/sites/6/2013/11/431.pdf>
- Jerru W. Willis & Claudia Edwards. (2014) *Action Research: Models, Methods, and Examples*. Information Age Publishing, Inc.
- Keith W. Maycock (2019). Chalk and Talk versus Flipped Learning: A Case Study. *Journal of Computer Assisted Learning*. National College of Ireland. <https://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/jcal.12317>
- Ladefoged, P. (2019). *Preliminaries to Linguistic Phonetics*. University of Chicago Press. Lexia Zhan, Dingrong Guo, Gang Chen and Jiongjiong Yang (2018) Effects of Repetition
- Learning on Associative Recognition Over Time: Role of the Hippocampus and Prefrontal Cortex. *Frontiers in Human Neuroscience*, -16. <https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fnhum.2018.00277/full>
- Luis S. Villacañas de Castro (2015) *Critical Pedagogy and Marx, Vygotsky and Freire: Phenomenal Forms and Educational Action Research*. Palgrave Macmillan.
- Metcalfe, J. (2017). Learning from Errors. *Annual Review of Psychology*, Vol. 68: 465-489. Mohd Husni Mohd Noor. (2022, Disember 15). Kementerian Pendidikan Tumpu tujuh teras
- Nur Farakhanna Mohd Rusli, Norfaizah Abdul Jobar, Nur Faaizah Md Adam. (2022), Kesalahan Ejaan Murid Berdasarkan Bunyi Konsonan Dalam Ujaran Guru: Analisis Fonologi Generatif *Issues in Language Studies* (Vol 11 No 2, 2022), 37-60.
- Prof. Dr. Drs. I Wayan Simpen, M.Hum. (2021) *Morfologi: Kajian Proses Pembentukan Kata*. PT Bumi Aksara
- Sidek, R., Halim, L., & Buang, N. A. (2021). Kefahaman dan persepsi guru sains tentang kreativiti saintifik serta pendekatan untuk memupuknya dalam pengajaran dan pembelajaran sains sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(1), 95-102.
- Tasnim Musharrat (2020), Teachers' Perception About Use and Challenges of Hands-on Activities in Secondary Science Classroom. *European Journal of Education Studies*, Vol. 7(12) Univeristy of Chittagong, Bangladesh.
- Umejima K, Ibaraki T, Yamazaki T and Sakai KL (2021) Paper Notebooks vs. Mobile

Devices: Brain Activation Differences During Memory Retrieval. *Front. Behav. Neurosci.*

<https://www.frontiersin.org/articles/10.3389/fnbeh.2021.634158/full>


Zaidi, M. N., Mohd Hussni, N. S., Wan Mahmood, W. N. A, Che Ismadi, C. N. S., & Harun, K. (2019). *Tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak dari aspek sintaksis* [Kertas pembentangan]. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLik2019)*, Pusat Penyelidikan Langkawi, Kampus Tuanku Abdul Halim Mua'dzam Shah, Kedah.

Zakiah, M.A, Azlina, M.K. & Yeo, K.J. (2013). *Keberkesanan modul belajar melalui bermain terhadap kefahaman pengalaman pranombor kanak-kanak prasekolah*. [SEMINAR ANTARABANGSA]. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education.

LAMPIRAN 1



LAMPIRAN 2



Rajah 10 hingga 11. Hasil Lembaran Kerja Selepas menjalankan Kajian Tindakan

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR